

14/07/2002

Selebriti kagum keindahan dasar laut

Jamariah Jaafar

SIAPA tu?" Itu adalah pertanyaan yang dilemparkan kepada rakan sekerja apabila melihat sekumpulan remaja dan wartawan di Kota Kinabalu, Sabah berkejar dan berkerumun beberapa artis Hong Kong ketika majlis makan malam anjuran Jabatan Pelancongan Sabah, baru-baru ini.

Bagaimanapun, kepala terjenguk-jenguk juga untuk melihat yang mana satu Aaron Kwok, namun agak kecewa apabila diberitahu bintang popular filem 'Stormriders' itu tidak menerima pelawaan untuk menyertai rombongan selebriti yang dibawa oleh syarikat jam terkemuka, Tag Heuer.

Daripada kumpulan selebriti yang dibawa syarikat Perancis itu, hanya beberapa wajah saja yang 'familiar' bagi penulis yang tidak pernah membuat liputan dunia hiburan antarabangsa. Itupun membabitkan artis dan orang kenamaan tanah air seperti Mukhriz Mahathir, Camelia dan Deanna Yusuf, serta perenang Filipina yang pernah menjadi 'kegilaan' beberapa teman wartawan ketika membuat liputan Sukan Sea di Kuala Lumpur, pada 1989, Akiko Thomson, yang semakin jelita.

Bintang sensasi Hong Kong, Ekin Cheng, ternyata amat disenangi wartawan Hong Kong yang mengiringi pelakon handalan itu hingga ke Pulau Layang-Layang. Senyuman manis dan sikap mudah mesranya menjadikan dia buruan lensa kamera.

Semua selebriti ini adalah sebahagian nama popular dari beberapa negara di rantau ini yang dijemput Tag Heuer, bagi promosi jam tangan keluaran terbarunya, siri 'Tag Heuer 2000', yang menggabungkan antara pemakaian elegan di darat, serta teman sejati di dasar laut dengan pelbagai ciri unik yang menjadi idaman penyelam yang mengutamakan jenama terbaik dunia.

Kehadiran selama empat hari di Pulau Layang-Layang yang terletak kira-kira 300 kilometer dari Kota Kinabalu, menyaksikan semua selebriti terbabit yang kebanyakannya baru kali pertama berkenalan dengan dunia di dasar laut, membuktikan ketahanan jam yang sebelum itu diuji oleh Pasukan Khas (Paskal) Angkatan Tentera Laut Malaysia.

Namun, apa yang menarik ialah apabila melihat artis lemah lembut seperti Camelia dan Deanna menyertai dunia penyelam, masing-masing baru mendapat lesen menyelam, bagi membolehkan mereka ke perut lautan untuk memeriksa ciptaan terbaru Tag Heuer itu.

Bayangkan, Camelia dan Deanna yang bertubuh kurus kecil itu memikul 'tong gas' yang berat dan lengkap dengan pakaian penyelam, kemudian terjun ke perut laut.

Lesen yang diperoleh mereka sekali gus membolehkan dua artis kecil molek ini menyertai kumpulan 'manusia tahan lasak' dan sanggup berhadapan apa saja di dasar laut, termasuk jerung yang banyak berkeliaran di terumbu yang diiktiraf antara yang tercantik di dunia.

"Bila lagi nak tunjuk macho... kalau orang lain boleh buat kenapa saya tak boleh," kata Camelia ketawa. Bagaimanapun, dia mengaku mulanya agak gentar, tetapi enggan tunduk kepada tekanan kerana baginya tidak ada yang mustahil.

Bagi seorang yang baru mendapat lesen dan baru dua kali terjun ke perut lautan, Camelia langsung tidak panik, malah mampu memberi pose menarik apabila berhadapan kamera.

Mukriz, Deanna dan Sean yang diletak dalam kumpulan sama setiap kali turun ke laut, mempamerkan tiga aksi berbeza. Mukhriz, anak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, penyelam berpengalaman selama 10 tahun ternyata amat santai, bergerak lembut di dasar laut dan sempat

berjenaka dengan pelbagai 'bahasa isyarat' yang dirakam oleh jurugambar profesional.

Deanna lebih tenang dan terus elegan dengan 'aura selebritinya' walaupun di dasar laut, manakala Sean yang terkenal melalui siri televisyen, Idaman, masih perlu mengawal pernafasannya dengan baik jika tidak mahu terus menjadi orang pertama naik ke bot.

Akiko, perenang sensasi yang menyertai tiga Sukan Olimpik dan kini menjadi pengacara siri televisyen popular di Manila, 'Going Places' turut melahirkan rasa kagum dengan keindahan pulau buatan manusia ini.

Bagi Ekin Cheng, walaupun tidak fasih berbahasa Inggeris, namun kelakuan santai dan sikap bersahaja sentiasa memeriahkan suasana. Aktor yang pernah dicalon sebagai pelakon terbaik Taiwan dua tahun lalu, antara lain pernah berlakon dalam filem 'Goodbye Mr Cool' dan 'Running Out of Time 2', dan ketika ini berlakon dalam siri televisyen 'To Where He Belongs' yang disiarkan di TV2 .

Dua lagi selebriti Hong Kong turut memeriahkan program Tag Heuer ialah Daniel Wu, aktor yang dilahirkan oleh Jackie Chan dan pernah berlakon dalam filem 'Purple Storm', 'Beijing Rocks' dan 'The Hit Team', serta Conroy Chan, model popular di pulau yang pernah menjadi milik British itu.

Selain itu, pengacara bagi rancangan 'Who Wants To Be A Millionaire' di Indonesia, Junico Bisuk Partahi Siahaan atau lebih dikenali sebagai Nico Siahaan, mewakili selebriti republik itu, Akiko yang kini berusia 27 tahun, mewakili Filipina. Model dan aktor stunt tampan, Don Theerathada dan aktres jelitawan, Kathaleeya McIntosh, pula mewakili Thailand.

Program ini turut mendapat kerjasama Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), dan Panglimanya, Laksamana Tan Sri Abu Bakar Abdul Jamil, turut hadir dan menyampaikan sijil kepada semua selebriti terbabit.

Anggota skuad khas TLDM dan TUDM turut memeriahkan suasana dengan membuat persembahan mengagumkan mengenai operasi menyelamatkan tebusan dengan menggunakan helikopter Nuri serta bot laju tercanggih milik Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Hadir sama di pulau yang memiliki stesen pengawal Tentera Laut itu ialah Panglima Markas Wilayah Laut 2, Wilayah Persekutuan-Labuan, Laksamana Pertama Ramlan Mohamad Ali dan Pengarah Rancang dan Operasi (Rawop), Kapten Mior Rusdi Mior Jaafar, serta Pengarah Urusan LVMH Watch & Jewellery bagi Asia Tenggara/Asia Selatan, Giles Manfin.

Pulau Layang-Layang yang berasal dari hanya deretan terumbu, yang kemudian ditambak dan dijadikan pulau yang kira-kira tiga kilometer panjang dan satu kilometer lebar, menjadi pilihan Tag Heuer kerana keindahan dasar laut serta kedalaman dasarnya yang mencapai lebih 2,000 meter.

Ujian yang dilakukan oleh Paskal itu antara lain membabitkan darjah tidak telap air, ujian gegaran, jarak penglihatan, ujian ketahanan serta oksigen. Ternyata jam berharga di antara RM4,500 dan RM6,000 satu itu, menepati mutu jenamanya dari segi ketepatan waktu serta pelbagai fungsi masa yang diperlukan penyelam ketika berada di perut laut.

Selepas empat hari dipenuhi dengan 'melayan' kerenah Tag Heuer dalam mempromosikan jam keluaran terbarunya, selebriti, media massa dan pegawai tentera yang terbabit dalam program itu, berpesta pada malam terakhir dengan lebih santai tanpa sekatan pada nama dan pangkat.

Suasana gelap malam hanya diterangi kerdipan bintang dan cahaya lilin berikutan gangguan elektrik, menyaksikan beberapa yang hadir menunjukkan bakat masing-masing sebagai penglipur lara dengan jenaka.

Ternyata, selebriti popular jika mengamalkan sikap ramah dan mudah mesra serta tidak taksub pada nama manakala penganjur sekiranya tidak alpa dalam menjaga semua 'tetamu'nya, suasana boleh menjadi lebih meriah dan ceria.

